

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kluster Benteng LD lonjak jumlah catatan harian wabak

100 kes baharu Covid-19

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Sebanyak 23 kes baharu Covid-19 dikesan di Kluster Sungai dengan 16 orang daripadanya merupakan petugas kesihatan yang juga anggota barisan hadapan di sebuah pusat perubatan swasta di Kedah.

Angka itu adalah sebahagian 100 kes positif yang dilaporkan semalam iaitu paling tinggi di catatkan sejak tiga bulan lalu dengan jumlah keseluruhan kes dalam negara sebanyak 9,559.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan kontak rapat kepada kes indeks yang melibatkan petugas kesihatan berusia 39 tahun di pusat perubatan berkenaan.

“Salah seorang anggota petugas kesihatan yang didapati positif di Kluster Sungai ini didapati telah menjangkiti tujuh ahli keluarganya.

“Petugas barisan hadapan sememangnya mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti penyakit Covid-19 atau lain-lain penyakit berjangkit ketika di



KLUSTER Benteng LD yang dikesan di Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu dan Penjara Tawau merekodkan sebanyak 62 kes kelmarin dan 2,010 orang telah disaring sehingga semalam.

fasiliti kesihatan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengambil iktibar kes tersebut, Noor Hisham berkata, semua petugas kesihatan dan barisan hadapan pelbagai agensi digesa untuk mengambil serius situasi Covid-19 dalam negara.

“Sama seperti individu lain dalam masyarakat, petugas kesihatan juga boleh mendapat jangkitan semasa berada di dalam komuniti.

“Justeru, ambillah langkah berjaga-jaga untuk menjaga diri

kita dan keluarga pada setiap masa,” ujarnya.

Berhubung Kluster Benteng LD, Noor Hisham berkata, sebanyak 62 kes direkodkan dengan 35 kes daripada jangkitan generasi pertama dan 27 kes lagi daripada generasi kedua.

Menurutnya, setakat ini 2,010 orang telah disaring dengan 1,579 daripadanya di Tawau dan baki 431 di Lahad Datu. Daripada jumlah itu, 1,325 masih menunggu keputusan saringan.

“Walaupun kes positif dalam

kluster ini tinggi, keadaannya adalah terkawal kerana ‘testing’ daripada orang awam berikutan kes-kes positif adalah di lokap tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu dan Penjara Tawau.

“Kluster ini sama seperti kluster depoh tahanan Imigresen yang berlaku sebelum ini,” katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, 15 kes import yang dilaporkan semalam mendapat jangkitan dari India, Indonesia,



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	100
Import: 15 Tempatan: 85	
• Pulih	12
• Kematian	0
• Masih dirawat	295
• Jumlah kes sembuh	9,136
• Jumlah Kematian	128
Jumlah kes keseluruhan	9,559

Pakistan dan Filipina.

Noor Hisham berkata, nilai kadar kebolehjangkitan Covid-19 atau R naught (RO) ketika ini meningkat kepada 1.72, berbanding 0.72 dua minggu lalu.

“R naught ini juga melebihi 1.6 paras kritikal di negara ini. Peningkatan ketara ini memberi gambaran situasi risiko berlakunya lebih banyak transmisi di dalam komuniti.

“Masyarakat kemungkinan kian alpa dan tidak mengendahkan prosedur operasi standard yang ditetapkan,” katanya.

Kluster DTI Bukit Jailil pula diisytihar tamat semalam.

KMC ditutup sehingga Jumaat

ALOR SETAR – Pusat perubatan swasta, Kedah Medical Centre (KMC) di sini menutup operasi selama tiga hari bermula hari ini sehingga Jumaat selepas 18 kakitangannya didapati positif Covid-19.

Penutupan itu membabitkan semua perkhidmatan pesakit luar dan wad hospital sehingga 11 September.

Pengarah Perubatan KMC, Datuk Dr. Kamaruzzaman Ali berkata, penutupan itu bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan sanitasi di pusat perubatan berkenaan dilakukan.

“Unit kecemasan dan kemasukan (24 jam) hanya menerima kes-kes kecemasan sahaja, sebarang kemasukan wad akan dirujuk ke KPJ Pulau Pinang atau Hospital Pakar KPJ Perlis.

“Keputusan tersebut diambil selepas perbincangan dengan Jabatan Kesihatan negeri.

“KMC selalu memandang serius pandemik Covid-19 dan kami mempunyai prosedur operasi standard yang ketat,” kata kenyataan itu semalam.

Menurutnya, sehingga semalam seramai 18 kakitangan KMC dan tujuh ahli keluarga telah disahkan positif Covid-19.

“Seramai 619 kakitangan



KMC menutup operasi selama tiga hari bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan sanitasi di hospital berkenaan sehingga Rabu ini.

telah menjalani ujian saringan sehingga semalam,” ujarnya.

Dalam pada itu, ekoran perkembangan terkini jangkitan Covid-19 itu, KMC terpaksa menjadualkan semula semua pembedahan 13 September ini.

“Bagaimanapun, perkhidmatan lain termasuk rawatan pesakit luar dan wad diteruskan seperti biasa,” kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, KMC akan berterusan melaksanakan pembersihan dan sanitasi di se-

luruh kawasan terjejas di pusat perubatan itu.

“Selain itu KMC juga mengambil langkah sepatutnya dengan mengenal pasti semua kontak pesakit itu,” katanya.

Kementerian Kesihatan semalam memaklumkan bahawa satu kluster baharu iaitu Kluster Sungai dikenal pasti di sebuah pusat perubatan di Kedah.

Kluster Sungai merupakan kluster keenam yang dikesan di Kedah sejak 28 Julai lalu.

72 ingkar PKPP, 26 babitkan penjarakan fizikal

PUTRAJAYA – Sebanyak 72 individu ditahan atas kesalahan ingkar Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan tangkapan paling tinggi sebanyak 26 individu membabitkan aktiviti kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kesalahan lain yang dikesan termasuklah gagal menyediakan peralatan serta merekod butiran pelanggan (24) dan tidak memakai pelitup muka (20).

Turut ditahan masing-masing satu tangkapan bagi kes lari dari pusat kuarantin serta premis beroperasi lebih masa.

“Daripada jumlah itu, seramai 70 individu telah dikompaun, masing-masing seorang ditahan reman dan dijamin,” katanya dalam kenyataan mengenai Pelaksanaan PKPP Hari ke-91 di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, seramai 25 pendatang

asing tanpa izin (PATTI) dan seorang penyeludup ditahan dalam Operasi Benteng kelmarin.

“Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memasuki sempadan negara secara haram,” ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, seramai 24,961 individu pulang ke tanah air dari 24 Julai hingga 7 September lalu dan ditempatkan di 71 stesen kuarantin yang ditetapkan.

Daripada jumlah itu, seramai 9,887 individu menjalani proses kuarantin wajib, manakala 66 lagi telah dihantar ke hospital.

Berhubung operasi sanitasi awam, Ismail Sabri berkata, sebanyak sembilan operasi sanitasi meliputi tujuh zon kuning dan enam zon hijau membabitkan lima negeri dibuat Jabatan Bomba dan Penyelamat.

“Sebanyak empat operasi dibuat di Pulau Pinang, Sabah (dua) dan masing-masing satu di Sarawak, Melaka dan Kedah,” katanya.